

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATUK HUSSEIN ONN, SEBAGAI
YANG DI PERTUA PERSATUAN
SEJARAH MALAYSIA DALAM MAJLIS
BAGI MERASMIKAN IBU PEJABAT
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
DI NO.958 JALAN HOSE, KUALA
LUMPUR PADA HARI SELASA,
31HB OGOS, 1976 JAM 11.00 PAGI

A.

YB Tan Sri Haji Hamdan, *Pengerusi Jawatankuasa Kerja,*

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan,

yang Berbahgia, Enik mohd gain, bin Bahari, Pengerusi Jawatankuasa
Utuhara Pembinaan.

Saudara-saudara sekalian,

1. Sempena Hari Kebangsaan tahun 1976

ini, saya bersyukur ke hadzrat Ilahi,

kerana berpeluang bertemu dengan saudara-

saudara dan seterusnya merasmikan bangunan

Ibu Pejabat Persatuan Sejarah Malaysia

kita.

2. Saya mengambil peluang ini menucapkan
tahniah dan terima kasih kepada Pengerusi dan
ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan yang
telah bekerja keras bagi menjayakan majlis
hari ini. Demikian juga atas kegiatan yang
telah dan sedang dijalankan oleh Jawatankuasa
Persatuan bagi membantu saya.

Saudara-saudara sekalian,

3. Pembukaan bangunan Ibu Pejabat ini, pada hemat saya, melambangkan satu lagi kejayaan Persatuan kita. Dengan adanya Ibu Pejabat sendiri, Persatuan kita akan dapat menjalankan aktivitinya dengan lebih giat, lebih cekap dan berkesan lagi. Dengan itu, Persatuan kita tidaklah menumpang lagi di Dewan Bahasa dan Pustaka dan di Muzium Negara. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka serta Muzium Negara, atas murah hati mereka mengizinkan kita menggunakan tempat pada masa-masa yang lampau.

Saudara-saudara sekalian,

4. Sungguhpun Persatuan kita sudah ada rumah sendiri, saya mahu menegaskan bahawa kegiatan persatuan kita mempunyai pertalian dan ikatan kerja yang rapat dengan kedua-dua badan yang saya sebutkan tadi. Kegiatan persatuan dengan Muzium Negara serta Muzium-muzium Negeri sudah sehati dan tidak dapat dipisahkan. Muzium memainkan peranan dalam menyimpan dan menjaga-pelihara serta mengawal khazanah negara kita. Sementara Dewan Bahasa dan Pustaka pula, antara lain, mempunyai tugas mengumpul, mengkaji dan menyelidik bahan-bahan sastera lama dan lain-lain.

5. Oleh hal yang demikian, pertalian dan hubungan Persatuan ini dengan kedua-dua badan tersebut, akan sentiasa dipelihara dan diadakan kordinasi yang sewajarnya. Begitu juga, saya bercadang persatuan ini akan terus mengadakan kordinasi yang rapat dengan Arkib Negara.

Dengan cara ini, semua bahan-bahan sejarah, samada yang ^{*berbentuk*} ~~berbentuk~~ kebendaan, yang berunsur kebudayaan, dalam bentuk lisan, tulisan, seni drama ataupun seni tari, akan dapat dijaga-pelihara bersama. Dan seterusnya, semua bahan ini dikekalkan untuk kepentingan negara dan jenerasi akan datang.

Saudara-saudara sekalian,

6. Pada hemat saya, peranan yang penting ini, tidaklah wajar diserahkan kepada Persatuan, kepada Muzium, Arkib Negara atau Dewan Bahasa dan Pustaka sahaja. Tiap-tiap seorang rakyat, dari apa juga lapisan, mempunyai 'moral obligation' untuk sama-sama memainkan peranan serta memberi sumbangan supaya tugas ini, 'this cultural and historical heritage of ours' dapat menjadi simbol kebanggaan, sebagai satu bangsa yang bertamaddun, berkebudayaan dan yang megah dengan sejarahnya.

Sudah tibalah pada waktunya, pada
Saya percaya, dengan keazaman ini, kita akan
dapat memandangi ke belakang, dengan penuh
rasa bangga, untuk membolehkan kita,
merancang dan berusaha untuk masa depan
dengan penuh keyakinan.

ada daripada mereka yang menganggap barang
itu sebagai pesaka keluarga. Tetapi,
sebenarnya, kebanyakan barang-barang itu
memunyai nilai, yang amat berharga, dari
sepi sejarah. Masih ramai orang-orang kita
yang menyimpan surat-suratan lama,
buku-buku sastra lama tulisan tangan,

7. Sudah tibalah pada waktunya, pada hemat saya, semangat ini perlu dipupuk di kalangan rakyat kita. Umpamanya, kita semua maklum masih ada sebilangan besar orang kita menyimpan barang-barang purba, yang mempunyai nilai sejarah. Mungkin, ada daripada mereka yang menganggap barang itu sebagai pesaka keluarga. Tetapi, sebenarnya, kebanyakan barang-barang itu mempunyai nilai, yang amat berharga, dari segi sejarah. Masih ramai orang-orang kita yang menyimpan surat-suratan lama, buku-buku sastra lama tulisan tangan,

senjata-senjata purba, alat-alatan seperti
tepak, pahar, dulang, dan sebagainya.
Semuanya ini, mencerminkan keahlian,
kepahlawanan, kepintaran, kesenian usaha
nenek moyang kita. Saya menyeru orang-
orang perseorangan yang menyimpan barang-
barang lama itu tampil ke hadapan, memberi
sumbangan mereka sebelum terlewat, sebelum
warisannya ditelan zaman.

8. Balai Seni Lukis Negara pernah mengadakan pamiran senilukis karya orang perseorangan atau kumpulan. Mungkin, pihak Muzium Negara boleh memikirkan perkara ini, dengan bersungguh-sungguh. Dengan usahasama Persatuan ini, kita harap dapat mengadakan satu pamiran sejarah, dalam bentuk yang sama.

Saudara-saudara sekalian,

9. Persatuan ini telahpun berusaha bagi mengadakan 'Minggu Sejarah' di beberapa buah negeri, semenjak beberapa tahun yang lalu. Tujuannya, seperti yang dimaklum, ialah hendak menimbulkan minat rakyat terhadap sejarah tempatan. Saya dapati usaha ini masih terbatas kepada satu-satu gulungan tertentu sahaja. Hal ini perlulah diperbaiki. Saya berharap supaya kerajaan-kerajaan negeri memberi sokongan yang penuh

terhadap usaha dan kegiatan Persatuan, baik dalam bidang Minggu Sejarah, pertandingan, penubuhan Muzium Negeri atau pun memelihara tempat-tempat bersejarah dan seumpamanya.

10 Sambil kita bergerak maju,
membangunkan negara untuk mencapai keadaan
yang lebih makmur, aman dan bersatupadu,
menerusi berbagai-bagai rancangan
kerajaan, amatlah mustahak bagi kita,
sejajar dengan usaha itu, untuk memupuk
semangat kesedaran rakyat, melahirkan rasa
bangga dan cinta terhadap negara. Kita
perlu menimbulkan rasa kasih atau cemburu
akan cara hidup, kebudayaan dan adat resam
dan segala apa yang kita sayang dan kasih,
mengenai bangsa kita. Hanya dengan adanya

Oleh yang demikian, amatlah mustahak
persamaan dan semangat sedemikian, akan
dapat kita pertahan serta perkukuhkan
sistem hidup demokrasi yang kita amalkan
pada hari ini, untuk dipesak²i oleh
jenerasi di kemudian hari.

Persatuan kita ini. Persatuan ini adalah
berjalan di atas dasar kerja-kerja sukarela.

Oleh itu, sumbangan matabenda dan kewangan
yang ikhlas daripada para dermawan, amatlah
dialu-alukan, dan kita berterima kasih atas
sumbangan itu.

11 Oleh yang demikian, amatlah mustahak
12 bagi semua kita, baik dari golongan pegawai
kerajaan, mahu pun dari golongan swasta,
bersama-sama memikir dan bertindak dalam hal
ini secara mendalam, seterusnya memberi
sumbangan yang positif terhadap kegiatan
Persatuan kita ini. Persatuan ini adalah
berjalan di atas dasar kerja-kerja sukarela.
Oleh itu, sumbangan matabenda dan kewangan
yang ikhlas daripada para dermawan, amatlah
dialu-alukan, dan kita berterima kasih atas
sumbangan itu.

Saudara-saudara sekalian,

12 Sempena hari ini, Persatuan akan

menyampaikan hadiah kepada pemenang

Peraduan Menqarang Sejarah di peringkat

sekolah menengah dan universiti. Saya

ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada

semua pemenang dan terima kasih kepada

ahli Jawatankuasa yang menguruskan

pertandingan ini.


13 Untuk tahun 1976/77, Persatuan akan meneruskan lagi usaha mengadakan peraduan itu. Tajuknya ialah sebagaimana yang dicatitkan dalam buku cenderamata. Saya berharap, usaha seperti ini akan terus mendapat sambutan oleh semua pihak. Pada hari ini, Persatuan, atas setiap derna, hemat saya, ini adalah satu cara bagi menyemaikan benih-benih yang sihat, seperti yang saya katakan tadi, terhadap kesejahteraan bangsa dan negara kita.

Saudara-saudara sekalian,


14 Pada bulan Ramadan yang mulia ini, saya tidaklah akan bercakap panjang. Oleh itu saya menqakhiri ucapan ini dengan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, bagi pihak Persatuan, atas setiap derma, besar dan kecil, bagi mengisi alat perkakas Ibu Pejabat ini. Budi baik setiap penderma akan kekal dalam sejarah dan kenangan kita.

15 Dengan nama Allah, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan bangunan Ibu Pejabat Persatuan Sejarah Malaysia, ^d Dengan doa dan harapan, semoga ia akan terus aktif pada masa-masa yang akan datang.

Terima kasih.



PERKUTUMATAN
ARKIB NEGARA MALAYSIA



1978

19

Denon nama Allah, saya berdoa

sukacitanya menyampaikan permohonan

ibu Pejabat Perastuan Sejarah Malaysia.

Denon doa dan harapan, semoga ia akan

terus aktif pada masa-masa yang akan

datang.

Terima kasih.

**PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI**



36 JUL 1978

No Siri	210
No. Penerimaan	25/78